



HIMPUNAN HUKUM :

# ZAKAT

(KOLEKSI KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG)



Cetakan Pertama.....2018

**HIMPUNAN HUKUM : ZAKAT  
(KOLEKSI KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG)**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman @ sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

*Susunan:*

Bahagian Fatwa  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
<http://mufti.penang.gov.my>

*Diterbitkan oleh:*

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.  
Tel: 04-263 2975  
Faks: 04-263 2985

*Rekabentuk/Urus:*

Three Communications & Design Sdn Bhd  
No. 38, Tingkat 2, Jalan Hutton, 10050 Pulau Pinang.  
Tel: 04-263 8388  
Faks: 04-263 2788

**- NASKHAH PERCUMA -**

# ISI KANDUNGAN



## KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1968



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Perkara Zakat Di Dalam Syarikat	1



## KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1969



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
2.	Zakat Tanaman	2
3.	Nisab Zakat & Sukatan Fitrah	2



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1970**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
4.	Hukum Menggunakan Wang Faedah ( <i>Interest</i> )	4
5.	Menerima Wang Faedah	4
6.	Zakat Perniagaan	5



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1976**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
7.	Membayar Zakat Fitrah Kepada Amil	6
8.	Zakat Harta	6
9.	Zakat Wang Simpanan	7



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1979**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
10.	Pengeluaran Zakat Bagi Koperasi	8



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1982**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
11.	Perbelanjaan Mencetak Borang-borang Zakat Dan Fitrah	1 0



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA  
FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1983**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
12.	Yuran Pentadbiran Kira-kira Wakaf, Baitulmal, Zakat Fitrah Daripada 17% Kepada 20%	1 1
13.	Zakat Wang Simpanan Masjid	1 2
14.	Zakat Perniagaan Bagi Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional	1 3
15.	Wang Lebihan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kutipan Zakat Dan Fitrah	1 4



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1984**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
16.	Kemusykilan Mengenai Mengerjakan Haji Bagi Orang Yang Meninggal Dunia Dan Amanah Saham Nasional (ASN)	1 6



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1986**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
17.	Menetapkan Nisab Bagi Barang Perhiasan Emas Yang Dikenakan Zakat	18
18.	Bayaran 1/8 Daripada Kutipan Zakat Bahagian Amil Kepada Kira-kira Pentadbiran	19



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1989**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
19.	Kutipan Bahagian Amil Zakat Fitrah Ke Dalam Akaun Pentadbiran	21



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1993**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
20.	Memperakukan Kadar Agihan Zakat Sebanyak \$40.00 Kepada Setiap Fakir Miskin	22



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1995**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
21.	As-Sahabah Urus Zakat Majlis Agama Islam, Memohon Fatwa Berhubung Dengan Berhubung Dengan Pelantikan Pegawai/ Kakitangannya.	23



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1996**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
22.	Fatwa Pengiraan Zakat Dan Subsidi Padi (Mal Al-Mustafad)	24



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 1998**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
23.	Wang Zakat Yang Tidak Habis Diagihkan	25
24.	Pelantikan LHDN Sebagai Amil Zakat Gaji	25



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2000**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
25.	Isu Sumber Zakat Sebagai Biasiswa Pengajian Tinggi Dijadikan Pinjaman	26



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2001**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
26.	Fatwa Mengenai Zakat Pengajian	27



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2002**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
27.	Pembelian Kenderaan Untuk Kegunaan Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	28
28.	Permohonan Fatwa Mengenai Status Premis-premis Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Beralamat No. 40 Dan 40-A Jalan Lim Eow Thoon, Pulau Pinang	28



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2006**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
29.	Permasalahan Pengagihan Wang Zakat Untuk Program Tuisyen UPSR/PMR Dan SPM Di Sekolah-sekolah Terpilih Di Pulau Pinang	29
30.	Pengesahan Hukum Pengagihan Dana Zakat Kepada Golongan Bukan Islam	30



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2007**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
31.	Cadangan Penetapan Hukum Zakat Ke Atas Projek Ternakan Kambing Boer Yang Diusahakan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Jabatan Perdana Menteri (PERDA)	31



## KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2010



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
32.	Kertas Cadangan Mengadakan Pasar Asnaf Bagi Tujuan Promosi Produk Usahawan Asnaf Zakat Dan Meningkatkan Pendapatan Asnaf Zakat	32



## KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2014



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
33.	Kertas Cadangan Permohonan Menggunakan Tanah Milik Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang Bagi Tujuan Aktiviti Dan Pembangunan Pusat Falak Masa Hadapan	33
34.	Cadangan Projek Membina Rumah Asnaf Zakat Pulau Pinang Di Atas Tanah Wakaf, Lot Pt 32, Seksyen 3, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	33



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2016**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
35.	Permohonan Menggunakan Wang Tawaqquf Zakat Terhadap Cadangan Untuk Membeli 1400/3600, Bahagian Tanah Atas Lot 1800, 15913 Dan 15914, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	35
36.	Hukum Membeli Alat Bantuan Membaca Bagi Orang Kurang Upaya (Penglihatan) Menggunakan Peruntukan Zakat	35



**KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI PULAU PINANG : 2017**



<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
37.	Penetapan Kadar Harga Fitrah Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 1438H/2017M	37

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1968

## 1. PERKARA ZAKAT DI DALAM SYARIKAT

Syarikat pinjam-meminjam ada menyimpan wang di dalam bank pada masa ini lebih dari \$2,000/=. Syarikat ini telah tertubuh lebih dari 5 tahun dan wang tersebut bukanlah wang simpanan tetap, wang ini sentiasa masuk dan keluar dengan tidak ditentukan masa.

1. Adakah syarikat ini diwajibkan mengeluarkan zakat?
2. Bagaimanakah cara-caranya?

### **Keputusan:-**

Syarikat ini bukan syarikat *Syar'iyah* yang diakui sah (mengikut hukum Syarak). Ia hanya sebagai satu pakatan mengumpulkan wang untuk berbuat khairat memberi hutang lebih kurang samalah dengan syarikat mati (khairat kematian) yang berjalan di negeri kita, jadi tiada dikenakan zakat.

**(12 Februari 1968)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1969

## 2. ZAKAT TANAMAN

Syarikat Kilang Padi Bekerjasama Sg. Aceh Dengan Tanggungan Berhad ingin menanyakan berkenaan zakat dalam syarikat kilang padi tersebut: -

1. Adakah dikenakan zakat dalam syarikat tersebut.
2. Jika diwajibkan zakat, adakah berdasarkan keuntungan, modal, harta-harta yang terkumpul, saham daripada ahli-ahli dan sebagainya.

Catatan:	Bilangan Ahli	206 orang
	Saham	\$12,500/=
	Modal Pusingan	\$10,000/=

### Keputusan:-

1. Wajib dikeluarkan zakat.
2. Jika cukup haul (حول) iaitu cukup setahun, dinilai sekali dengan harta perniagaan itu dan jika sampai nisab (نصاب) maka dikenakan zakat tanpa mengikut kadar syer ahli-ahli syarikat.

(Jun 1969)

## 3. NISAB ZAKAT & SUKATAN FITRAH

Mohon menjelaskan mengenai isu berikut:

1. Nisab mata wang Malaya ialah \$365.36¢ dengan jalan dinilai kepada harga emas mengikut kiraan tuan, sedangkan Perak itu daripada zakat *aimnya* mengikut berat dirinya iaitu 200 dirham zakatnya, 2.5% mengikut kiraan itu,

adalah menjadi nisab mata wang Malaya yang biasa dikira di sini ialah lebih kurang \$24/= ataupun, adakah mata wang Malaya itu namanya sahaja ringgit dan pada hakikatnya emas?

2. Nisab biji-bijian, mengikut kiraan tuan ialah 206.82  $\frac{1}{4}$  gantang walhal pada biasanya kiraan di sini ialah 358 gantang 1 cupak dan 1 kepol, yang menjadikan perbezaannya sangat jauh.

### **Keputusan:-**

Adalah benar wang mata Malaysia sekarang hanya pada namanya sahaja iaitu (Perak) sedang ibunya adalah emas iaitu tiap-tiap satu ringgit menyamai 0.290299 gram emas. Dengan yang demikian saya berpendapat bahawa kiraan nisabnya perlulah mengikut emas iaitu 20 miskal (مئقال) yang menyamai 20 mayam dan 4.7652996 saga. Walau bagaimanapun nisab \$365.36 itu bukan harga 20 mayam dan 4 saga itu tetapi adalah jumlah itu (\$365.36) hasil dari penyamaan satu ringgit dengan 0.290299 gram itu. Dan harga emas di pasaran tidak boleh dijadikan asas perhitungan kerana tiada tetap.

Adalah benar 206.82  $\frac{1}{4}$  gantang padi menjadi nisab padi sangatlah sedikit dan ini mendatangkan lebih berat kepada petani-petani yang miskin. Tetapi itulah yang telah timbul daripada kiraan itu dan saya ingin benar supaya jumlah itu lebih besar lagi supaya meringankan petani-petani dan menjadikan galakan kepada mereka membayar zakat. Hanya perhitungan kita perlulah berdasarkan kepada asas yang nyata dan tidak dengan agak-agak. Sebagaimana kebanyakan sukatan di masa lalu dengan menggunakan gantang yang dibawa dari luar negeri maka pada saya adalah masih terlalu samar kerana membawa sukatan itu bukan pihak rasmi hanya pihak perseorangan.

**(26 November 1969)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1970

## 4. HUKUM MENGGUNAKAN WANG FAEDAH (INTEREST)

Ada pegawai-pegawai yang menyimpan wang dalam Pejabat Pos dan mereka ini juga mengeluarkan wang simpanannya apabila sesak. Pendeknya wang simpanan itu tidaklah tetap di dalam simpanan. Pada tiap-tiap tahun Pejabat Pos ada memberi faedah (interest) sebanyak 4% di atas wang simpanan.

1. Adakah sah pada sisi ugama bagi si penyimpan wang itu menerima wang faedah yang diberikan?
2. Adakah wang simpanan yang selalu keluar masuk itu dikenakan zakat, sekiranya ya, bagaimanakah peraturan mengeluarkan zakat tersebut?

### **Keputusan:-**

1. Wang faedah sedemikian itu harus diterima tetapi hendaklah digunakan bagi *masalah ammah* (مصلحة عامة).
2. Simpanan yang cukup nisab yang dibekukan selama setahun (hijriah) adalah diwajibkan zakat dan kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5%.

**(11 Februari 1970)**

## 5. MENERIMA WANG FAEDAH

Ada juga pegawai-pegawai yang menyimpan wang di dalam 'Syarikat Jimat Cermat' dan meminjam wang, bolehkah pegawai-pegawai yang menyimpan wang di dalam syarikat jarang-jarang sekali meminjam wang dari syarikatnya. Pada tiap-tiap tahun syarikat itu ada mengeluarkan faedah (dividen) sebanyak 5%.

1. Adakah sah bagi pegawai-pegawai itu menerima wang faedah dari syarikat itu?
2. Seorang pegawai ada menyimpan wang di dalam syarikat sebanyak \$10,000/= dan ia menerima wang faedahnya sebanyak \$500/= iaitu (5% faedah) pegawai ini tidak meminjam wang pun. Harap terangkan adakah pegawai ini dikenakan zakat di atas wangnya, jika kena, berapakah zakatnya?

**Keputusan:-**

1. Hendaklah menerima wang faedah dan digunakan bagi *masalah ammah* (مصلحة عامة).
2. Simpanan \$10,000/= di dalam syarikat itu apabila genap haulnya setahun hijri diwajibkan zakat sebanyak 2.5% dan tiap-tiap tahun keuntungan daripada saham yang dijalankan oleh syarikat itu mulai daripada dimasukkan ke dalam modal pokok apabila genap haulnya setahun dikenakan zakat sebanyak 2.5% pula di atas keuntungannya itu, demikianlah seterusnya.

**(11 Februari 1970)**

## **6. ZAKAT PERNIAGAAN**

Adakah harta-harta yang berikut di bawah ini masuk nisab zakat?

1. Nilai harga rumah perniagaan.
2. Jentera dan kilang.
3. Perkakas-perkakas pejabat dan jentera.
4. Harta (tanah yang dibeli untuk tapak kilang).

**Keputusan:-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan nilai rumah tempat perniagaan, jentera, perkakas-perkakas pejabat, tanah tapak kilang yang tidak masuk dalam perniagaan tidak kena zakat. Modal yang digunakan untuk membeli padi dan menjual padi jadi perniagaan dan wajiblah zakat bila cukup haul dan sampai nisab.

**(25 Mac 1970)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1976

## 7. MEMBAYAR ZAKAT FITRAH KEPADA AMIL

1. Adakah sah fitrah seseorang yang membayar fitrahnya kepada orang lain selain daripada amil yang telah dilantik oleh pihak yang berkuasa?
2. Adakah harus pihak Jawatankuasa Qaryah melantik seorang wakil untuk menerima zakat bagi pihak masjid yang mana zakat itu akan digunakan untuk kebajikan masjid?

### Keputusan:-

1. Mesyuarat bersetuju memberi pendapat dengan sebulat suara, oleh sebab amil telah dilantik, maka jika diberi kepada amil-amil lain adalah tidak sah.
2. Tidak harus kerana Jawatankuasa Qaryah tidak mempunyai kuasa untuk melantik seorang wakil bagi memungut zakat, kerana kuasa menjalankan perkara-perkara agama adalah tertakluk kepada kuasa mengikut Perlembagaan Malaysia. Sekiranya tiap-tiap qaryah berkehendakkan pungutan zakat kerana faedah masjid, sementara diselaraskan oleh pihak yang berkuasa, maka bolehlah seorang daripada ahli qaryah berhutang untuk menghasilkan tujuan itu dan kemudiannya bolehlah zakat dipungut dan diberi kepadanya bahagian *ghorimin* sahaja. (Orang-orang yang berhutang - sebahagian daripada 8 bahagian adalah bahagian *ghorimin*).

(7 April 1976)

## 8. ZAKAT HARTA

Masalah berikutan dari khutbah Jumaat Masjid Prai pada 19.11.76 mengenai zakat harta yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), yang mana menerangkan seseorang yang menyimpan wang bila sampai nisabnya iaitu bersamaan dengan kadar 25 (mayam) emas dan 9 (saga) mengikut harga pasaran, diwajibkan zakat.

**Keputusan:-**

1. Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi pendapat lain khutbah Jumaat yang dibaca oleh khatib Masjid Prai pada 19.11.76 itu tidak dikawal oleh Jabatan Agama.
2. Nisab emas ialah sebanyak 25 (mayam) dan 2.7108 (saga) mengikut harga pasaran.

***(28 Disember 1976)***

**9. ZAKAT WANG SIMPANAN**

Madrasah Hujung Permatang, Kepala Batas mempunyai wang simpanan di bank sebanyak \$1,000.50 simpanan tersebut telah cukup nisabnya selama setahun dari 1.1.75 hingga 31.12.75. Adakah wajib dikeluarkan zakat ataupun tidak?

**Keputusan:-**

Jawatankuasa Syariah berpendapat tidak wajib zakat kerana tidak ada tuan pemilik khas.

***(28 Disember 1976)***

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1979

## 10. PENGELUARAN ZAKAT BAGI KOPERASI

Pihak Koperasi Peladang ada menjalankan projek tanaman padi seluas 4 ekar. Segala modal yang digunakan dalam menjayakan projek ini adalah terdiri daripada modal yang dilaburkan oleh ahli pelbagai kaum iaitu orang Melayu dan Cina. Tanaman padi bagi projek ini adalah 2 kali setahun jadi dalam sesuatu musim itu terdapat kadang-kadang keuntungan dan kadang-kadang mendapat kerugian. Dan selama lebih kurang 4 tahun pihak Koperasi Peladang tidak mengeluarkan zakat.

Persoalannya adalah seperti berikut: -

1. Adakah wajib pihak Koperasi Peladang mengeluarkan zakat, padahal modal (wang) yang digunakan untuk projek ini adalah terdiri daripada wang orang Cina dan Melayu. Selain daripada itu, pihak Koperasi Peladang juga ada mengeluarkan dividen sebanyak 10% setahun kepada setiap orang yang menjadi ahli Koperasi Peladang?
2. Jika pihak Koperasi wajib mengeluarkan zakat, berapakah nisabnya dalam bentuk wang ringgit (lebih senang dikira) yang mesti dikeluarkan oleh pihak Koperasi. Misalnya jika pihak Koperasi mendapat keuntungan bersih sebanyak \$300/= bagi musim yang lepas, jadi berapakah yang wajib bagi pihak Koperasi Peladang mengeluarkannya?
3. Bagaimanakah dengan musim-musim yang lepas (4 tahun yang lepas) kerana pihak Koperasi tidak menyimpan rekod-rekod bagi keuntungan bersih yang tepat. Jika wajib dikeluarkan zakat, adakah segala keuntungan-keuntungan secara kasar itu dijumlahkan semuanya dan dikeluarkan zakat mengikut kadar yang telah ditetapkan?



**Keputusan:-**

1. Jawatankuasa Syariah berpendapat wajib bagi Koperasi mengeluarkan zakat setakat mana yang melibatkan modal dan usaha ahli-ahli Islamnya sahaja.
2. Nisab padi bagi sesuatu musim ialah 363 gantang dan kadar zakatnya ialah  $\frac{1}{10}$  jika diusahakan dengan pengairan biasa, dan  $\frac{1}{20}$  jika diusahakan dengan menggunakan tenaga-tenaga lain.
3. Zakat bagi musim-musim yang lalu, dikira terhutang dan keluarannya hendaklah berpandukan kepada anggaran hasil pada tiap-tiap tahun.

***(10 Januari 1979)***

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1982

## 11. PERBELANJAAN MENCETAK BORANG-BORANG ZAKAT DAN FITRAH

Setiasusaha telah memaklumkan bahawa urusetia telah mengiklankan tender untuk mencetak borang-borang zakat dan fitrah di mana tawaran ini terbuka kepada syarikat-syarikat Percetakan Islam Bumiputra. Lembaga Tender Majlis yang telah membuka empat tawaran yang diterima telah memilih tender yang terendah sekali iaitu dari Syarikat Jasmin Sdn. Bhd. dengan tawaran sebanyak \$255,623.00. Harga tawaran yang ditawarkan itu adalah berdasarkan kepada penggunaan kertas jenis N.C.R. Dan bilangan borang-borang yang akan dicetak itu ialah untuk kegunaan 2 hingga 3 tahun kerana urusetia menjangkakan ini akan lebih menjimatkan. Untuk pengetahuan ahli-ahli, peruntukan percetakan yang diluluskan oleh Majlis bagi tahun 1982 hanya sebanyak \$7,000.00 sahaja. Oleh itu, dipohon pandangan Jawatankuasa Syariah sama ada pihak urusetia boleh menggunakan wang fitrah bagi membiayai perbelanjaan percetakan tersebut.

### **Keputusan:-**

Mesyuarat telah bersetuju memberi pandangan bahawa harus dikeluarkan wang dari hasil zakat dan fitrah untuk tujuan pengurusan kerana ianya termasuk di dalam asnaf A'mil (عَامِل)

**(9 Mac 1982)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1983

## 12. YURAN PENTADBIRAN KIRA-KIRA WAKAF, BAITULMAL, ZAKAT FITRAH DARIPADA 17% KEPADA 20%

Majlis telah bercadang untuk menaikkan Yuran Pentadbiran Kira-Kira Wakaf, Baitulmal, Zakat Fitrah daripada 17% kepada 20% sebagaimana yang dibentangkan di Mesyuarat Majlis yang lalu. Perkiraan itu adalah dibuat berdasarkan kepada alasan bahawa ianya termasuk di dalam 2/8 bahagian yang diambil daripada asnaf-asnaf yang tidak digunakan dan boleh diiktiraf sebagai termasuk di dalam *Asnaf ar-Riqab*. Walau bagaimanapun, ahli-ahli majlis ingin mendapatkan pandangan daripada jawatankuasa ini sama ada dasar yang dipegang itu boleh diterima atau tidak. Ini adalah kerana urusetia tidak dapat menemui dasar yang telah dibuat pada asalnya.

### Keputusan:-

Jawatankuasa Syariah membuat keputusan bahawa pihak pentadbiran boleh menentukan kadar yuran yang sewajarnya dari Kira-Kira Wakaf untuk mentadbirkan harta-harta wakaf di bawah pengawasannya. Ini berdasarkan kepada keterangan berikut:

ويستحق الناظر ما شرط من الاجرة كما يجوز له رفع الامر إلى الحاكم ليقرر له أجرة قال العراقي في تحريره : ومقتضاه أنه يأخذ مع الحاجة إما قدر النفقة كما رجحه الرافي أو الاقل من نفقته وأجرة مثله كما رجحه النووي : وقد رجح بعض المتأخرين من أصحابنا أن الظاهر هنا أنه يستحق أن يقرر له أجرة المثل وإن كان أكثر من النفقة. (التكملة الثانية المجموع شرح المهذب، ج ١٥، ص ٣٦٤ ، المكتبة السلفية المدينة المنورة)

وللناظر ما شرط له الاجرة وان زاد على اجرة مثله ما لم يكن الواقف كما مر فان لم يشترط له شيء فلا اجرة له نعم له رفع الامر إلى الحاكم ليقرر له الاقل من نفقته واجرة مثله كولى اليتيم ولانه الاحوط للوقف وافتي ابن الصباغ بان له الاستقلال بذلك من غير حاكم. (حواشى تحفة المحتاج بشرح المنهاج لابن حجر الهيتمى، ج ٦، ص ٢٩٠، مطبعة مصطفى محمد)

Bagi Kira-Kira Zakat Fitrah pula yuran pentadbiran bolehlah diambil dari asnaf-asnaf yang tidak dibelanjakan/dipakai seperti asnaf *fi sabilillah*, *fi ar-Riqab* dan *ghorimin*.

Manakala bagi Kira-Kira Baitulmal pula, memang telah jelas iaitu ianya terpulang kepada pihak pentadbiran/kerajaan untuk mengendalikannya.

**(28 Mac 1983)**

### 13. ZAKAT WANG SIMPANAN MASJID

1. Adakah wang simpanan masjid patut dikeluarkan zakat pada tiap-tiap tahun.
2. Bagaimanakah wang faedah yang diterima daripada bank itu sepatutnya dipergunakan.

#### Keputusan:-

Jawatankuasa Syariah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Syarat harta yang dikenakan zakat ialah cukup nisab, sempurna haul, milik yang sempurna. Dalam harta khairat masjid, tidak ada milik bagi orang yang tertentu. Maka kerana itu, ia tidak dikenakan zakat.
2. Faedah yang didapati dari bank atau Institusi Kewangan dari wang khairat boleh diambil dan digunakan untuk *maslahah ammah* (مصلحة عامة) seperti tandas masjid dan sebagainya.

**(4 Mei 1983)**

#### 14. ZAKAT PERNIAGAAN BAGI PELABURAN DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL

Saya telah melabur sejumlah wang dalam ASN dan ASN melabur pula di syarikat-syarikat perniagaan, perdagangan, perlombongan, perkilangan harta dan lain-lain. Jika boleh dibandingkan serupa dengan kegiatan pelaburan LUTH (walaupun tidak 100%). Dengan ASN saya melabur (walaupun selama 10 tahun dari permulaan dijamin tidak rugi). Dalam LUTH saya menabung, (LUTHlah yang melaburkannya menurut peruntukkan tertentu). Menurut LUTH mereka diwajibkan zakat bagi pihak penabung tetapi LUTH sendiri tidak wajib berzakat.

Persoalannya adalah seperti berikut: -

1. Apakah hukum ini juga terpakai kepada ASN?
2. Adakah saya (sebagai pelabur) wajib mengeluarkan zakat sendiri kerana nisabnya cukup dan jika dikenakan zakat, bagaimanakah cara pengiraannya dan pembayarannya?

#### **Keputusan:-**

Zakat perniagaan diwajibkan apabila cukup haul dan nisab, sama ada perniagaan itu secara bersendirian atau bersyarikat. Jika perniagaan itu dilakukan secara bersyarikat, memadai zakat dikeluarkan oleh mana-mana satu pihak oleh syarikat itu atau oleh setiap ahli syarikat.

Dalam masalah yang dibangkitkan, pihak ASN bolehlah dianggap sebagai syarikat perniagaan dan pencarum adalah ahli-ahli syarikat. Jika ASN sendiri tidak mengeluarkan zakat, maka ahli-ahli wajib mengeluarkan zakat mengikut saham dan keuntungan yang diterima apabila cukup haul dan nisab sebanyak 2.5% daripada modal dan keuntungan. Nisabnya mengikut pasaran semasa emas ialah 85gm. Zakat hendaklah dibayar kepada a'mil yang dilantik oleh Kerajaan iaitu Majlis Agama Islam Negeri di mana pencarum itu tinggal.

**(21 September 1983)**

## 15. WANG LEBIHAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUTIPAN ZAKAT DAN FITRAH

Pendapatan yang di bawah kira-kira zakat dan fitrah adalah melebihi daripada perbelanjaan mengikut hukum-hukum Syarak pada tiap-tiap akhir tahun kewangan Majlis. Menurut amalan biasa, wang lebihan tersebut dibawa ke tahun berikutnya dan disimpan di bank dalam Simpanan Tetap. Dalam kajian, 8 buah negeri telah memasukkan baki tersebut ke dalam tabung Baitulmal supaya lebih luas lagi penggunaannya dan yang bakinya dihabiskan di dalam tahun itu juga atau dibawa ke hadapan dan dimasukkan ke dalam kira-kira asnaf yang sama. Dengan itu, pihak kami ingin mendapatkan pandangan Jawatankuasa Syariah sama ada Majlis ini dapat memasukkan baki dari kira-kira zakat fitrah tersebut ke dalam Baitulmal?

**Keputusan: -**

Zakat yang dikutip oleh pihak berkuasa boleh disimpan di dalam Baitulmal, tetapi hendaklah diadakan kira-kira yang berasingan serta tidak boleh digunakan selain daripada tujuan asnaf yang lapan. Segala zakat yang terkumpul mestilah diagihkan kepada asnaf-asnaf yang mustahak.

**Hujahnya: -**

وحاصل الكلام عليه كما في المنهج و شرحه- أنه إذا عدت الأصناف أو فضل عنهم شيء : وجب نقلها، أو نقل الفاضل إلى مثلهم بأقرب بلد إلى مال المتصدق. فإن عدم بعضهم، أو وجدوا كلهم، وفضل عن كفاية بعضهم شيء : رد نصيب البعض المعدم أو الفاضل على الباقي إن نقص نصيبهم عن كفايتهم، و لا ينقل إلى غيرهم، لانحصار الاستحقاق فيهم. فإن لم ينقص نصيبهم: نقل ذلك إلى ذلك الصنف بأقرب بلد. (إعانة الطالبين، ج ٦، ص ١٩٦، دار احياء الكتب العلمية)

Maksudnya:

*Dan hasil perkataan atas perkara itu sebagaimana tersebut di dalam Al-Minhaj dan juga syarahnya bahawa apabila tidak didapati asnaf atau berlebihan daripada mereka sesuatu, wajib dipindahkan atau dipindahkan yang berlebihan kepada orang yang seumpama mereka di negeri yang berhampiran dengan harta zakat itu. Maka jika sekiranya tiada sebahagian dari mereka atau semua mereka itu ada, sedang zakat itu berlebihan dari keperluan setengah dari mereka dikembalikan bahagian yang tiada atau yang berlebihan kepada yang baki dari mereka. Jika kurang bahagian mereka dari keperluan mereka tidaklah boleh dipindahkan kepada orang lain daripada mereka kerana tertentu hak kepada mereka. Dan jika sekiranya tidak kurang bahagian mereka dipindahkan yang demikian kepada asnaf yang ada di negeri berhampiran. Pihak yang berkuasa harus menggunakan zakat yang belum diagihkan sepenuhnya untuk membuat sesuatu rancangan yang boleh memberi faedah kepada asnaf yang berhak berdasarkan kepada kaedah usul:*

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة. (الاشباه والنظائر، ص ١٨٤)

الحاجة تنزل منزلة الضرورة عامة كانت أو خاصة. (الاشباه والنظائر، ص ٦٢)

Maksudnya:

1. Tadbiran pemerintah atas rakyat bergantung kepada masalah.
2. Keperluan mengambil tempat darurat (kemestian) sama ada umum atau khusus.

**(21 Disember 1983)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1984

## 16. KEMUSYKILAN MENGENAI MENERJAKAN HAJI BAGI ORANG YANG MENINGGAL DUNIA DAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

### Keputusan:-

1. Setelah Jawatankuasa meneliti soalan yang tersebut, Jawatankuasa berpendapat sesiapa yang ada kemampuan menunaikan fardu Haji, lalu ia meninggal dunia sebelum menunaikan fardu Hajinya, maka wajiblah warisnya mengerjakan Haji baginya atau mengupah orang asing mengerjakan Haji bagi si mati, setelah ditolak upah orang yang mengerjakan Haji dan hutang-hutangnya baharulah harta yang baki itu dibahagikan kepada waris-waris, sebaliknya jika seseorang yang mati itu tidak berkemampuan pada masa hidupnya untuk menunaikan fardu Haji maka sunat sahaja hukumnya bagi waris-warisnya mengerjakan Haji baginya atau mengupah orang asing mengerjakannya, setelah dilaksanakan Haji bagi si mati maka gugurlah fardu Haji di atas si mati mengikut keterangan dari Kitab :

(القليوبي وعميرة، ج ٢، ص ٩٠، النوع الثاني إستطاعة تحصيله لغيره) فمن مات وفي ذمته حج  
وجب الاحتجاج عنه من تركته كما تقضى منها ديونه فلو لم يكن تركه استحباب لوارثه أن تحج  
عنه. فإن حج عنه بنفسه أو باءستجار سقط الحج من الميت.

Maksudnya:

*Bahagian yang kedua, berkuasa dihasilkan oleh orang lain, sesiapa yang mati sebelum mengerjakan Haji maka wajiblah di atas warisnya mengerjakan Haji baginya atau diupah orang lain melaksanakan baginya, setelah ditolak upah orang yang mengerjakan Haji dan hutang-hutangnya baharulah hartanya diberi kepada waris, sebaliknya jika si mati itu tidak berkuasa melaksanakan Haji pada masa hidupnya adalah disunatkan bagi warisnya untuk melaksanakan Haji si mati atau mengupah orang lain melaksanakannya barulah gugur Haji dari orang yang mati.*

الحديث : روى مسلم عن بريدة: أن امرأة قالت يا رسول الله إن أُمي ماتت ولم تحج قط. أفا حج عنها؟ قال: حجي عنها (رواه مسلم)

Maksudnya:

*Diriwayat oleh Muslim daripada Baridah, seorang perempuan telah bertanya kepada Rasulullah, ibuku telah meninggal dunia tidak sempat mengerjakan Haji, apakah aku disuruh mengerjakan Haji untuknya? Rasulullah menjawab: kerjakanlah Haji untuknya. (Riwayat Muslim)*

2. Amanah Saham Nasional (ASN), Jawatankuasa berpendapat wajib mengeluarkan zakat apabila cukup haul dan milik yang sempurna walaupun modalnya diperolehi dengan cara berhutang dan wajib dikira di atas pokok/modal, dividen dan bonus mengikut pendapat dalam kitab:

(الفقه على المذهب الأربعة، قسم العباداة، ص ٥٩٤) وكذلك يجب على من استدان مالا من غيره. أن يزكّيه أن حال عليه الحول. وهو في ملكه باستقراط ملكا تاما.

Maksudnya:

*Begitulah wajib atas orang yang meminjam harta daripada orang lain hendaklah dikeluarkan zakat apabila cukup haul hutang itu adalah miliknya kerana bahawasanya yang mempunyai harta dengan cara berhutang itu adalah dikira milik yang sempurna. Cara mengeluarkannya  $1/40 = 2 \frac{1}{2} \%$ .*

**(13 Disember 1984)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1986

## 17. MENETAPKAN NISAB BAGI BARANG PERHIASAN EMAS YANG DIKENAKAN ZAKAT

Setiausaha telah membentangkan soalan yang diterima dari Setiausaha Jawatankuasa Zakat Dan Fitrah mengenai perkara tersebut.

### Keputusan:-

Setelah membincangkannya, mesyuarat telah bersetuju memberi pandangan berikut:-

1. Barang-barang emas yang menjadi perhiasan wanita tidak dikenakan zakat walau banyak mana sekalipun dengan syarat barang-barang perhiasan itu hendaklah dipakai.
2. Barang-barang perhiasan wanita jika tidak dipakai dan disimpan, wajib dikeluarkan zakat mengikut nisab bermula dari 20 misqal iaitu bersamaan 25 mayam dan 2.7108 saga atau 93.6 gm. Zakatnya ialah sebanyak 2½%.
3. Orang-orang lelaki yang menyimpan barang-barang kemas perhiasan wanita untuk dipakai oleh isteri atau anak-anak cucunya tidak juga dikenakan zakat. Jika sekiranya barang-barang itu disimpan seperti harta, maka wajiblah dikeluarkan zakat.

Nas-nasnya ialah dari:

وَلَا زَكَاةَ فِي حُلِيِّ مُبَاحٍ، وَلَوْ اتَّخَذَهُ الرَّجُلُ بَلَا قَصْدٍ لُبْسٍ أَوْ غَيْرِهِ، أَوْ اتَّخَذَهُ لِإِجَارَةٍ أَوْ إِعَارَةٍ  
لَا مَرَاةٍ، إِلَّا إِذَا اتَّخَذَهُ بَيْتَةً كَنْزٍ فَتَجِبُ الزَّكَاةُ فِيهِ (فتح المعين، ص ٢٣٣، دار ابن جزم)

Maksudnya:

*Tidak dikenakan zakat pada perhiasan yang diharuskan. Jikalau orang lelaki sekalipun menyimpannya dengan ingatan untuk dijadikan perhiasan atau lainnya atau untuk disewa, dipinjam atau diberi pakai kepada orang perempuan. Jika sekiranya disimpan barang perhiasan itu dengan niat simpan seperti harta maka wajib atasnya zakat.*

(ولا زكاة في حلى مباح) كالخلى من ذهب أو الفضة للبس امرأة (ولو) اتخذها بلا قصد أو قصد لإعارة أو (الإعارة) لها إلا إن أسرفت كخلخال وزن مجموع فرديته مائتا مثقال مثلا فلا يحل لها، وتجب زكاته. (نهاية الزين، ص ١٧٠، دار الكتب العلمية)

Maksudnya:

*Tidaklah dikenakan zakat pada perhiasan yang diharuskan seperti perhiasan emas dan perak untuk kegunaan perempuan walaupun pengambilannya dengan tidak niat atau niat untuk dipakai atau untuk disewa dan dipinjam baginya. Kecuali disimpan seperti gelang kaki ataupun seberat timbangan tiap-tiap sebelah gelang kaki 200 misqal umpamanya. Jika disimpan sebagai harta, maka wajiblah di atasnya zakat.*

**(8 Mei 1986)**

## **18. BAYARAN 1/8 DARIPADA KUTIPAN ZAKAT BAHAGIAN AMIL KEPADA KIRA-KIRA PENTADBIRAN**

Setiasusaha memaklumkan bahawa Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah mengemukakan soalan sama ada bayaran 1/8 bahagian amil daripada kutipan zakat dapat diberikan kepada Kira-Kira Pentadbiran memandangkan bahagian pentadbiran Majlis ini telah bertindak sebagai amil kerana Majlis tidak melantik amil-amil untuk membuat pungutan zakat.

**Keputusan:-**

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan seterusnya telah membuat keputusan berikut: -

Pentadbiran yang memungut zakat di Majlis ini bukanlah dikira sebagai amil kerana mereka adalah diberi gaji. Oleh kerana itu habuan amil itu hendaklah dimasukkan ke dalam 7 asnaf yang ada supaya asnaf-asnaf yang tujuh itu dapat menghabiskan dan berkembang. Majlis bolehlah mengambil dari bahagian asnaf *fisabilillah* untuk pentadbiran. Keputusan ini berdasarkan keterangan dalam

(مرشد الأنام، ج ٢، ص ١٦٢) فإن عدم صنف منهم أو فضل عن كفايته شيء رد نصيب ذلك الصنف أو الفاضل عنه على الباقيين أن نقص نصيبهم عن كفايتهم.

Maksudnya:

*Maka jika tidak didapati habuan mereka itu atau lebihan dari menghabisinya sesuatu hendaklah dikembalikan habuan mereka itu kepada asnaf yang lain atau apa yang lebih daripanya atas yang tinggal. Jika kurang habuan mereka itu daripada menghabisinya.*

**(26 Disember 1986)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1989

## 19. KUTIPAN BAHAGIAN AMIL ZAKAT FITRAH KE DALAM AKAUN PENTADBIRAN

### Keputusan:-

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan:

1. Berdasarkan takrif "Amil Zakat" secara umumnya bermaksud "Pihak yang menguruskan kutipan zakat dan menyerahkannya kepada *waliyul amri*, menjaga serta mengagihkannya", maka kedudukan amil yang dilantik oleh Majlis adalah berhak mendapat agihan zakat.
2. Dalam hal keseluruhan pungutan zakat, Majlis sebenarnya merupakan amil am dan tertinggi dalam urusan pentadbiran zakat di Negeri Pulau Pinang.
3. Oleh yang demikian cadangan untuk memasukkan kutipan Bahagian Amil Zakat dan Fitrah ke dalam 303 Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 1976 – 1989 Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Akaun Pentadbiran adalah harus (dibolehkan) kerana dengan jalan demikian urusan pentadbiran zakat dapat berjalan dengan lebih lancar dan sempurna.
4. Keadaan yang berjalan sekarang, Majlis tidak melantik amil-amil khusus untuk menjalankan pungutan zakat selain daripada fitrah menjadikan Majlislah pihak yang bertugas sebagai amil, maka berhaklah Majlis menguruskan kutipan zakat secara kesuluruhannya menurut cara yang dipersetujui oleh Majlis.
5. Oleh yang demikian pemindahan kutipan bahagian Amil Zakat dan Fitrah ke dalam Akaun Pentadbiran adalah termasuk dalam bidang kuasa Majlis Agama Islam, Pulau Pinang.

**(8 November 1989)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1993

## 20. MEMPERAKUKAN KADAR AGIHAN ZAKAT SEBANYAK \$40.00 KEPADA SETIAP FAKIR MISKIN

### Keputusan:-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memutuskan:

1. Bahagian fakir dan miskin hendaklah diasingkan di antara satu sama lain iaitu 1/8 bahagian untuk golongan fakir dan 1/8 bahagian untuk golongan miskin.

إذا اجتماعا افتراقا (ای یکون لكل منها معنى خاص)

2. 1/8 bahagian golongan fakir dan 1/8 bahagian golongan miskin daripada kutipan keseluruhan Negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan ini mesyuarat memutuskan bahawa bahagian amil juga 1/8 bahagian daripada kutipan zakat fitrah keseluruhan bagi Negeri Pulau Pinang.

**(1 April 1993)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1995

## 21. AS SAHABAH URUS ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM, MEMOHON FATWA BERHUBUNG DENGAN PERLANTIKAN PEGAWAI/KAKITANGANNYA

### **Keputusan:**

Jawatankuasa Syariah telah membuat keputusan di mana semua pegawai/kakitangan As-Sahabah Urus Zakat hendaklah dilantik secara sah sebagai Amil oleh Yang di Pertuan Agong agar pungutan zakatnya sah mengikut hukum Islam. Manakala agihan asnaf zakat pula adalah mengikut keputusan Jawatankuasa Agihan Zakat Negeri Pulau Pinang yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

***(29 Mei 1995)***

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1996

## 22. FATWA PENGIRAAN ZAKAT DAN SUBSIDI PADI (MAL AL-MUSTAFAD)

Bagamainakah pandangan Ahli Jawatankuasa mengenai pengiraan zakat padi dan subsidi padi (Mal Al-Mustafad)?

### **Keputusan:-**

Kerajaan memberi subsidi ini kepada orang yang membuat bendang dan menjual padi itu dalam tempoh yang ditetapkan, sekiranya seseorang itu telah menyimpan padi ke satu tarikh yang luput tempohnya maka subsidi padi tidak akan diberikan kepadanya, ini bererti subsidi itu bukanlah dari hasil padi tetapi sebagai inisiatif (galakan) yang diberi oleh Kerajaan kepada pesawah-pesawah padi dan ia adalah berasingan daripada hasil padi sebenarnya.

Bagi subsidi sebanyak 0.2481 itu adalah sebahagian daripada subsidi yang diberi oleh Kerajaan kepada petani seperti baja, benih, racun dan sebagainya. Semua ini dinamakan subsidi, oleh itu sekiranya hendak diambil kira semuanya maka hendaklah semua dimasukkan dalam satu kiraan sebagai subsidi bukan hanya subsidi jualan padi sahaja oleh kerana itu subsidi padi itu adalah berasingan dengan harga padi.

Jika berlaku bencana alam terhadap padi-padi yang ditanam maka subsidi akan luput daripada pesawah-pesawah padi tadi dan ia hanya dapat subsidi dalam bentuk yang lain. Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memberi pendapat bahawa subsidi padi bukan harga padi dan tidak boleh dicampur subsidi padi dengan harga untuk kiraan pungutan/kutipan zakat biji-bijian.

**(8 Oktober 1996)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 1998

## 23. WANG ZAKAT YANG TIDAK HABIS DIAGIHKAN

Bagaimanakah jika ada cadangan untuk menghabiskan wang zakat yang tidak habis digunakan seperti dengan cara: -

1. Mewujudkan tabung pinjaman daripada Al-Faidh.
2. Mewujudkan tabung pinjaman kepada pelajar.
3. Keuntungan wang zakat dilaburkan itu dimasukkan ke dalam Akaun Sumber Am sebagai hasil.

### **Keputusan:-**

Dalam masalah di atas Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang sebulat suara menolak dan melarang sama sekali ketiga-tiga cadangan tersebut.

*(17 Januari 1998)*

## 24. PELANTIKAN LHDN SEBAGAI AMIL ZAKAT GAJI

### **Keputusan:-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan syarat Amilnya dilantik di kalangan staf LHDN yang beragama Islam dan mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pengeluar zakat tersebut.

*(17 Januari 1998)*

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2000

## 25. ISU SUMBER ZAKAT SEBAGAI BIASISWA PENGAJIAN TINGGI DIJADIKAN PINJAMAN

### Keputusan:-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan masalah biasiswa dijadikan pinjaman pengajian seperti berikut:-

1. Tiada mana-mana Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri yang melaksanakan skim pinjaman pengajian dari sumber zakat.
2. Wang zakat itu sendiri tidak boleh diberi sebagai bantuan pinjaman kerana harta zakat merupakan *tamlík* (memberi milik) bukan untuk pinjaman mereka.

**(13 Mei 2000)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2001

## 26. FATWA MENGENAI ZAKAT PENGGAJIAN

### Keputusan:-

1. Zakat ke atas pendapatan dan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat.
2. Penggajian adalah bayaran yang diterima oleh seseorang sebagai gaji atau upah kerja atau perkhidmatan yang dilakukan mengikut masa tertentu termasuk elaun dan imbuhan atau bonus daripada apa-apa pekerjaan dan perkhidmatan profesional dan bukan professional.

*(2 April 2001)*

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2002

## 27. PEMBELIAN KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG DAN JABATAN AGAMA ISLAM PULAU PINANG

### **Keputusan:-**

Mesyuarat sebulat suara memutuskan dengan tidak membenarkan penggunaan sumber zakat bagi maksud pembelian ini kerana sumber-sumber rujukan dan pandangan-pandangan ulama (kitab) muhtabar masa kini jelas menyatakan tidak membenarkannya.

*(13 Jun 2002)*

## 28. PERMOHONAN FATWA MENGENAI STATUS PREMIS-PREMIS MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG BERALAMAT NO.40 DAN 40-A JALAN LIM EOW THOON, PULAU PINANG

### **Keputusan:-**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan agar hasil kutipan sewa bagi premis-premis ini hendaklah dimasukkan dalam Akaun Tabung Zakat memandangkan pembelian asal adalah seperti menggunakan sumber zakat dan bukannya Baitul Mal sebagaimana amalan sekarang.

*(13 Jun 2002)*

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2006

## 29. PERMASALAHAN PENGAGIHAN WANG ZAKAT UNTUK PROGRAM TUISYEN UPSR/PMR DAN SPM DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI PULAU PINANG

### **Keputusan:-**

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

1. Pelajar-pelajar bukan Islam boleh menyertai tuisyen tersebut.
2. Ibu bapa pelajar bukan Islam perlu membayar kos tuisyen untuk anak mereka atau pihak sekolah menggunakan wang dari sumber lain.
3. Untuk pembayaran kepada tenaga pengajar bukan Islam, pihak PUZ dinasihatkan supaya mengeluarkan peruntukan tersebut di atas nama sekolah berkenaan, maka tenaga pengajar yang bukan Islam itu boleh membuat tuntutan bayaran tersebut terus dari pihak sekolah.
4. Dicapadangkan mata pelajaran pengetahuan Agama Islam diajarkan dalam program tuisyen ini dan pihak PUZ dapat menyediakan buku-buku yang berkaitan dengan 'Adab-Adab Dalam Islam'.

***(19 April 2006)***

### 30. PENGESAHAN HUKUM PENGAGIHAN DANA ZAKAT KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM

#### Keputusan:-

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:

1. Sumber zakat tidak boleh diberikan kepada orang bukan Islam. Ini berdasarkan kepada pendapat mazhab Syafie dalam kitab *Fiqh al-Islami Wa Adilahtuhu*, Jilid ke-2, karangan Dr. Wahbah al-Zuhailly, muka surat 871:

Bermaksud "Zakat tidak boleh diberikan kepada orang kafir sama ada tujuannya untuk menjinakkan mereka kepada Islam atau pun untuk tujuan lain. Semasa permulaan Islam orang kafir diberi zakat kerana bilangan orang Islam masih kecil sedangkan bilangan musuh (orang kafir) ramai. Sekarang Allah telah memuliakan Islam dan penganutnya. Bilangan mereka sudah ramai dan tidak perlu lagi untuk menjinakkan orang kafir (dengan pemberian zakat). Para Khulafa al-Rasyidin pun tidak memberi zakat kepada mereka. Malah Saiyiddina Umar bin al-Khattab mengatakan, "Sesungguhnya kami tidak akan memberi sesuatu untuk mereka menganut Islam. Mereka boleh memilih sama ada hendak beriman atau menjadi kafir.

2. Mesyuarat berpendapat program lawatan dan ziarah pesakit-pesakit di hospital adalah baik dan patut diteruskan. Cuma sumbangan yang hendak diberikan kepada orang bukan Islam hendaklah diperolehi dari sumber lain, bukan sumber zakat.

**(30 November 2006)**

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2007

## 31. CADANGAN PENETAPAN HUKUM ZAKAT KE ATAS PROJEK TERNAKAN KAMBING BOER YANG DIUSAHAKAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG, JABATAN PERDANA MENTERI (PERDA)

### Keputusan:-

Mesyuarat mengambil keputusan seperti berikut:

1. Dikenakan zakat perniagaan.
2. Apabila cukup haul perniagaan, hendaklah dinilai harga semua kambing yang ada dan jika cukup nisab hendaklah dikeluarkan sebanyak 2.5% dalam bentuk Ringgit Malaysia (RM) daripada harga keseluruhan.

*(9 Julai 2007)*

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2010

## 32. KERTAS CADANGAN MENGADAKAN PASAR ASNAF BAGI TUJUAN PROMOSI PRODUK USAHAWAN ASNAF ZAKAT DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN ASNAF ZAKAT

**Keputusan: -**

Mesyuarat telah memperakui, bersetuju dan memutuskan seperti berikut:

1. PUZ perlu menyediakan garis panduan had kiyafah dan member latihan yang menyeluruh kepada para peserta.
2. PUZ juga perlu memperluaskan kepada muallaf dan memastikan kategori yang betul bagi para pelajar.

***(25 Jun 2010)***

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2014

## 33. KERTAS CADANGAN PERMOHONAN MENGGUNAKAN TANAH MILIK PUSAT URUS ZAKAT NEGERI PULAU PINANG BAGI TUJUAN AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN PUSAT FALAK MASA HADAPAN

### Keputusan:-


Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Permohonan Menggunakan Tanah Milik Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang Bagi Tujuan Aktiviti Dan Pembangunan Pusat Falak Masa Hadapan untuk sementara. Untuk masa hadapan Bahagian Falak Syarie & Sumber Maklumat bolehlah memohon supaya kerajaan membeli atau membuat pengambilan sekadar yang diperlukan sahaja.

*(12 Februari 2014)*

## 34. CADANGAN PROJEK MEMBINA RUMAH ASNAF ZAKAT PULAU PINANG DI ATAS TANAH WAKAF, LOT PT 32, SEKSYEN 3, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

### Keputusan:-

1. Bersetuju dan meluluskan Cadangan Projek Membina Rumah Asnaf Zakat Pulau Pinang Di Atas Tamah Wakaf, Lot Pt 32, Seksyen 3, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan menggunakan sumber dana zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
2. Pemilikan rumah boleh diwarisi setelah selesai bayaran sebanyak RM60,000.00.
3. Bersetuju dengan kaedah bayaran sebanyak RM40,000.00 ditanggung oleh Zakat Pulau Pinang bagi setiap unit rumah dan baki RM60,000.00 ditanggung oleh pemilik daripada wang Baitulmal dan Sumber Am.

- 
4. Mendesak supaya Zakat Pulau Pinang (ZPP) melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) membeli tanah-tanah untuk kegunaan dan kepentingan asnaf yang memerlukan dengan menggunakan wang tawaquf.
  5. Memastikan tanah-tanah tersebut tidak boleh dijual kepada orang bukan Islam dan tidak dijadikan premis tersebut sebagai tempat untuk tujuan maksiat.

***(16-17 Julai 2014)***

# KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2016

## 35. PERMOHONAN MENGGUNAKAN WANG TAWAQQUF ZAKAT TERHADAP CADANGAN UNTUK MEMBELI 1400/3600, BAHAGIAN TANAH ATAS LOT 1800, 15913 DAN 15914, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

### Keputusan:-

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 yang bersidang pada 15-16 Februari 2016 telah membincangkan mengenai Permohonan Menggunakan Wang Tawaqquf Zakat Terhadap Cadangan Untuk Membeli 1400/3600, Bahagian Tanah Atas Lot 1800, 15913 Dan 15914, Mukim 12, Daerah Barat Daya. Mesyuarat memutuskan:

1. Bersetuju meluluskan Permohonan Bagi Membeli 1400/3600 Bahagian Tanah Atas Lot 1800, 15913 dan 15914, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang berjumlah RM3,954,097.50; dan
2. Tidak bersetuju menggunakan wang *tawaqquf* zakat, sebaliknya mencadangkan wang *istibdal* tanah Masjid Bayan Lepas untuk tujuan berkenaan.

(15 Februari 2016)

## 36. HUKUM MEMBELI ALAT BANTUAN MEMBACA BAGI ORANG KURANG UPAYA (PENGLIHATAN) MENGGUNAKAN PERUNTUKAN ZAKAT

### Keputusan:-

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2016 yang bersidang pada 8-9 Jun 2016 telah membincangkan mengenai Hukum Membeli Alat Bantuan Membaca Bagi Orang Kurang Upaya (Penglihatan) Menggunakan

Peruntukan Zakat. Mesyuarat bersetuju dan memberi kebenaran untuk membeli alat bantuan membaca bagi orang kurang upaya (penglihatan) dengan menggunakan peruntukan zakat dan disumbangkan bagi kegunaan para pelatih di St. Nicholas Home, dengan syarat seperti berikut: -

1. Alat *Candy Electronic Magnifier* tersebut hendaklah menjadi milik Jawatankuasa Kebajikan, Kesejahteraan Keluarga Dan Hal Ehwal Wanita, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
2. Peralatan tersebut hendaklah digunakan oleh pelatih yang beragama Islam sahaja, walau bagaimanapun pelatih yang bukan beragama Islam boleh menggunakannya melalui jalan pinjaman.

**(8 Jun 2016)**



# **KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG : 2017**

## **37. PENETAPAN KADAR HARGA FITRAH NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 1438H/2017M**

### **Keputusan:-**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 pada 18 dan 19 April 2017 bersetuju dan meluluskan kadar harga Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1438H/2017M ditetapkan sebanyak RM7.00 seorang.

***(19 April 2017)***



# **WARTA KERAJAAN**

NEGERI PULAU PINANG

**No. 633.**

**FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

**FATWA MENGENAI MENANGGUHKAN BAYARAN ZAKAT**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang menangguhkan pengeluaran dan pembayaran zakat menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

- (1) Tidak harus menangguhkan pengeluaran dan pembayaran zakat apabila telah cukup syaratnya kecuali ada sebab yang mengharuskannya, seperti tidak dijumpai Asnaf, berlaku bencana dan lain-lain; dan
- (2) Adalah berdosa menangguhkan pengeluaran zakat apabila telah cukup syaratnya kecuali ada sebab yang mengharuskannya.

Dibuat 25 April 2016

[JMNPP(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

**DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR**  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang*

## FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

## SCHEDULE

## FATWA MENGENAI MENANGGUHKAN BAYARAN ZAKAT

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang menanggihkan pengeluaran dan pembayaran zakat menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

- (1) *Tidak harus menanggihkan pengeluaran dan pembayaran zakat apabila telah cukup syaratnya kecuali ada sebab yang mengharuskannya, seperti tidak dijumpai Asnaf, berlaku bencana dan lain-lain; dan*
- (2) *Adalah berdosa menanggihkan pengeluaran zakat apabila telah cukup syaratnya kecuali ada sebab yang mengharuskannya.*

Made 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
Chairman of the Fatwa Committee  
State of Penang

اینکمن قنندبیرن اکام اسلام

2004 (نکری فولاو فینغ)

فتوی دباوه سیکشن 48

قد منجانکن کواس یغ دبیرکن اولیه سیکشن 48 اینکمن قنندبیرن اکام اسلام (نکری فولاو فینغ) [اینکمن 2]، اتس فر کن یغ دقوتوان اگوغ ، جاوتنکواس فتوی نکری فولاو فینغ، ممبوات فتوی یغ دپاتانکن دالم جدوال.

جدوال

فتوی مغناهی منغوهکن بایران زکاة

مشاورت جاوتنکواس فتوی نکری فولاو فینغ بیلاغن 2016/1 تله ممبینچکن تنتغ منغوهکن فغلوارین دان فمبارین زکاة منوروت قنذاغن شرع دان مموتوسکن سقرتی یغ برایکوت:

- (1) تيدق هاروس منغوهمكن ففلوارن دان فمبايرن زكاة اذبيلا تله چوكوف شرطن كچوالي اد سبب بخ  
مغهاروسكنن، سئرتي تيدق دجومئاهي اصناف، برلاكو بنجان دان لاءين-لائين؛ دان
- (2) اداله بردوسا منغوهمكن ففلوارن دان فمبايرن زكاة اذبيلا تله چوكوف شرطن كچوالي اد سبب بخ  
مغهاروسكنن.

ديوات 25 افريل 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دغن نيته فرينته

داتوء دوكتور وان سالم بن وان محمد نور  
فعروسي جاوتكواس قنوي  
نكري فولور فينغ

No. 634.

## FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

## JADUAL

## FATWA MENGENAI HUKUM ISU-ISU SEMASA ZAKAT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Hukum Isu-Isu Semasa Zakat dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) Kadar penolakan diri bagi taksiran zakat pendapatan yang diamalkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) sekarang ialah sebanyak RM8,000.00. Berdasarkan keadaan sekarang kebanyakan pembayar menyatakan penolakan tersebut sudah tidak sesuai lagi berdasarkan alasan-alasan seperti yang berikut:
- (a) Peningkatan atas tolakan diri oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu sebanyak RM9,000.00 dan permintaan daripada pembayar agar menurut jumlah tolakan yang telah dilaksanakan oleh LHDN.
  - (b) Permintaan daripada pembayar sendiri untuk dinaikkan kadar tersebut.
  - (c) Kos sara hidup yang semakin meningkat memerlukan kepada pertambahan perbelanjaan termasuk perbelanjaan persekolahan anak-anak sama ada di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.

- (ii) Mesyuarat bersetuju supaya kadar penolakan diri bagi taksiran zakat pendapatan dinaikkan kepada RM9,000.00.

Dibuat 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang*

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI HUKUM ISU-ISU SEMASA ZAKAT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Hukum Isu-Isu Semasa Zakat dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) *Kadar penolakan diri bagi taksiran zakat pendapatan yang diamalkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) sekarang ialah sebanyak RM8,000.00. Berdasarkan keadaan sekarang kebanyakan pembayar menyatakan penolakan tersebut sudah tidak sesuai lagi berdasarkan alasan-alasan seperti yang berikut:*
- (a) *Peningkatan atas tolakan diri oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu sebanyak RM9,000.00 dan permintaan daripada pembayar agar menurut jumlah tolakan yang telah dilaksanakan oleh LHDN.*
- (b) *Permintaan daripada pembayar sendiri untuk dinaikkan kadar tersebut.*
- (c) *Kos sara hidup yang semakin meningkat memerlukan kepada pertambahan perbelanjaan termasuk perbelanjaan persekolahan anak-anak sama ada di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.*
- (ii) *Mesyuarat bersetuju supaya kadar penolakan diri bagi taksiran zakat pendapatan dinaikkan kepada RM9,000.00.*

Made 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
*Chairman of the Fatwa Committee  
State of Penang*

اینکمن فتندهیرن اکام اسلام

(نکری فولو فینغ) 2004

فتوی دباوه سیکشن، 48

قد منجانکن کواس یغ دبریکن اولیه سیکشن 48 اینکمن فتندهیرن اکام اسلام (نکری فولو فینغ) [اینکمن 2]، اتس فرکن یغ دفرتوان اکوغ، جاوتنکواس فتوی نکری فولو فینغ، ممبوات فتوی یغ دپاتاکن دالم جدوال.

جدوال

فتوی مغنای حکوم ایسو - ایسو سماس زکاة

مشوارت جاوتنکواس فتوی نکری فولو فینغ بیلاشن 2016/1 تله ممبینجفکن فتوی مغنای حکوم ایسو - ایسو سماس زکاة منوروت قداغن شرع دان مموتسکن سفرتی یغ برایکوت:

- (i) قدر قولکن دبري باهي تكسیرن زکاة قداغن یغ دصلکن اولیه زکاة فولو فینغ (ZPP) سکارغ ایاله سبایق RM8,000.00 برداسرکن کداءن سکارغ کبایقن قمایر میاتاکن قولکن ترسبوت سوده تیدق سمواي لاھی برداسرکن الاسن - الاسن سفرتی یغ برایکوت:
- (a) قیغکنکن اتس تولتن دبري اولیه لمباکا حاصلیل دالم نکری (LHDN) یاءیت سبایق 9000.00 RM دان فرمیتان درفد قمایر اکر منوروت جومله تولتن یغ تله دلنساتن اولیه LHDN
- (b) فرمیتان درفد قمایر سنديری اوتتوق دناءیتکن قدر ترسبوت.
- (c) کوس سارا هیدوف یغ سماکین منیثکت ممرلوکن کفد فرتامیاهن فربلنجاهن ترماسوق فربلنجاهن فرسکولهن اتق-اتق سام اد د فریغکت رنده، منغه دان قعاچین تیغی.
- (ii) مشوارت برستوجو سوفايا قدر قولکن دبري باهي تكسیرن زکاة قداغن دناءیتکن کفد RM9,000.00.

دیوات 25 افریل 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]

دغن تیبه فرینته

داتوء دوکتور وان سالم بن وان مجد نور  
فیروسی جاوتنکواس فتوی  
نکری فولو فینغ

No. 635.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA MENGENAI PENGGUNAAN WANG ZAKAT BAGI  
PEMBELIAN KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN PEJABAT  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG DAN  
JABATAN AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Penggunaan Wang Zakat Bagi Pembelian Kenderaan Untuk Kegunaan Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

Mesyuarat memutuskan bahawa tidak membenarkan penggunaan sumber zakat bagi maksud pembelian kenderaan untuk kegunaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang kerana sumber-sumber rujukan dan pandangan-pandangan ulamak muktabar masa kini jelas menyatakan tidak membenarkannya.

Dibuat 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang*

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

**FATWA MENGENAI PENGGUNAAN WANG ZAKAT BAGI  
PEMBELIAN KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN PEJABAT  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG DAN  
JABATAN AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Penggunaan Wang Zakat Bagi Pembelian Kenderaan Untuk Kegunaan Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

*Mesyuarat memutuskan bahawa tidak membenarkan penggunaan sumber zakat bagi maksud pembelian kenderaan untuk kegunaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang kerana sumber-sumber rujukan dan pandangan-pandangan ulamak muktabar masa kini jelas menyatakan tidak membenarkannya.*

Made 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
Chairman of the Fatwa Committee  
State of Penang

اينكمن فئتديبيرن اكام اسلام

تكري فولاو فينغ) 2004

فتوى دباوه سيكشن، 48

قد منجانكن كواس يغ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن فئتديبيرن اكام اسلام (تكري فولاو فينغ) [اينكمن 2]،  
انس فركن يغ دفرتوان انوغ ، جاوتتكواس فتوى تكري فولاو فينغ، ممووات فتوى يغ دياتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى معناهي ففتكوناهن واغ زكاة باكي فمبلين كدران اونتوق ككوناهن مجلس اكام اسلام تكري فولاو فينغ دان  
جاينن اكام اسلام فولاو فينغ

مشوارت جاوتتكواس فتوى تكري فولاو فينغ بيلاغن 2016/1 تله مميبيچئكن نتنغ ففتكوناهن واغ زكاة باكي فمبلين  
كدران اونتوق ككوناهن مجلس اكام اسلام تكري فولاو فينغ دان جاينن اكام اسلام تكري فولاو فينغ منوروت  
فتداغن شرع دان مموتسكن سقرتي يغ برايكوت:

مشوارت مموتسكن بهاوا تيدق مميبركن ففتكوناهن سومير زكاة باكي مقصود فمبلين كدران اونتوق ككونان مجلس  
اكام اسلام تكري فولاو فينغ دان جاينن اكام اسلام تكري فولاو فينغ كران سومير سومير رجوكن دان فتداغن-فتداغن  
طماء معتبر ماس كيني جلس تيدق مميبركن.

ديوات 25 افريل 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دغن تيته فرينته

داتوه دوكتور وان سالم بن وان مجد نور  
فروسى جاوتتكواس فتوى  
تكري فولاو فينغ

**No. 636.**

## FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

## JADUAL

## FATWA MENGENAI ZAKAT PADI

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Zakat Padi Menurut Pandangan Syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

- (1) Kerajaan memberi subsidi ini kepada orang yang mengerjakan sawah dan menjual padi itu dalam tempoh yang ditetapkan, sekiranya seseorang itu telah menyimpan padi ke satu tarikh yang luput tempoh masanya maka subsidi padi tidak akan diberikan kepadanya, ini bererti subsidi itu bukanlah dari hasil padi tetapi sebagai inisiatif (galakan) yang diberi oleh Kerajaan kepada pesawah-pesawah padi dan ia adalah berasingan daripada hasil padi sebenarnya;
- (2) Subsidi sebanyak 0.2481 itu adalah sebahagian daripada subsidi yang diberi oleh Kerajaan kepada petani seperti baja, benih, racun dan sebagainya. Oleh itu, sekiranya hendak diambil kira semuanya maka hendaklah dimasukkan dalam satu kiraan sebagai subsidi bukan subsidi jualan sahaja. Oleh itu juga, subsidi padi adalah berasingan dengan harga padi;
- (3) Jika berlaku bencana alam terhadap padi-padi yang ditanam, maka subsidi akan luput daripada pesawah-pesawah padi dan ia hanya mendapat subsidi dalam bentuk yang lain; dan
- (4) Jawatankuasa berpendapat bahawa subsidi padi bukan harga padi dan tidak boleh dicampur subsidi dengan harga padi untuk kiraan kutipan zakat biji-bijian.

Dibuat 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang*

## FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

## SCHEDULE

## FATWA MENGENAI ZAKAT PADI

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Zakat Padi Menurut Pandangan Syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

- (1) Kerajaan memberi subsidi ini kepada orang yang mengerjakan sawah dan menjual padi itu dalam tempoh yang ditetapkan, sekiranya seseorang itu telah menyimpan padi ke satu tarikh yang luput tempoh masanya maka subsidi padi tidak akan diberikan kepadanya, ini bererti subsidi itu bukanlah dari hasil padi tetapi sebagai inisiatif (galakan) yang diberi oleh Kerajaan kepada pesawah-pesawah padi dan ia adalah berasingan daripada hasil padi sebenarnya;
- (2) Subsidi sebanyak 0.2481 itu adalah sebahagian daripada subsidi yang diberi oleh Kerajaan kepada petani seperti baja, benih, racun dan sebagainya. Oleh itu, sekiranya hendak diambil kira semuanya maka hendaklah dimasukkan dalam satu kiraan sebagai subsidi bukan subsidi jualan sahaja. Oleh itu juga, subsidi padi adalah berasingan dengan harga padi;
- (3) Jika berlaku bencana alam terhadap padi-padi yang ditanam, maka subsidi akan luput daripada pesawah-pesawah padi dan ia hanya mendapat subsidi dalam bentuk yang lain; dan
- (4) Jawatankuasa berpendapat bahawa subsidi padi bukan harga padi dan tidak boleh dicampur subsidi dengan harga padi untuk kiraan kutipan zakat biji-bijian.

Made 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
Chairman of the *Fatwa* Committee  
State of Penang

اینکمن فئندبیرن اکام اسلام

(نکری ٲولاو فینغ) 2004

فتوی دباوه سیکشن 48

فد منجانکن کواس یغ دبیرکن اولیه سیکشن 48 اینکمن فئندبیرن اکام اسلام (نکری ٲولاو فینغ) [یکمن 2]،  
اتس فرکن یغ دفتر توان اکو غ ، جاوتنکواس فتوی نکری ٲولاو فینغ، ممبوات فتوی یغ دپاتاکن دالم جدوال.

### جدوال

#### فتوی مغناهی زکاة فادی

مشورت جاوتنکواس فتوی نکری ٲولاو فینغ بیلاغن 2016/1 تله ممبیزعکن نتغ زکاة فادی منوروت فئداغن شرع  
دان سوتسکن سفرتی یغ برایتوت:

- (1) کراجان ممبری سوبسیدی این کئد اورغ یغ مفرجکن ساوه دان منجوال فادی ایت دالم تیمقوه یغ دنتکن،  
سکیران سساورغ ایت تله مپمئن فادی کسکو تاریخ یغ لوٲوت تیمقوه ماسن مک سوبسیدی فادی تیدق اکن  
دبیرکن کئدان، این برارتي سوبسیدی ایت بوکنله دري حاصیل فادی تتافی سباکای اینسیلتیف (کالتن) یغ  
دبیری اولیه کراجان کئد فساوه-فساوه فادی دان ای اداله براسیغن درفد حاصیل فادی سبئرئ;
- (2) سوبسیدی سبایق 0.2481 ایت اداله سباهاکین درفد سوبسیدی یغ دبیری اولیه کراجان کئد فتانی سفرتی  
باج، بنیه، راجون دان سباکایئ. سوا این دنماکن سوبسیدی. اولیه ایت سکیران هئذقله دامبیل کیرا سواان  
مک هئذقله دماسوکن دالم ساتو کیران سباکای سوبسیدی بوکن سوبسیدی جولان مهاج. اولیه ایت  
سوبسیدی فادی اداله براسیغن دغن هرک فادی;
- (3) جک برلاکو بنجان عالم ترهاندف فادی-فادی یغ دتلم، مک سوبسیدی اکن اوٲوت درفد فساوه-فساوه فادی  
تادی دان ای هان مندافت سوبسیدی دالم بنتوق لاین ; دان
- (4) جاوتنکواس شرعیة برشدافت بهاوا سوبسیدی فادی بوکن هرک فادی دان تیدق بولیه دچمفور سوبسیدی  
دغن هرک فادی اونتوق کیران کوتیقن زکاة بیجی- بیجین.

دبوات 25 افریل 2016

[JMNPP(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]

دغن تیته فرینته

داتوء دوکتور وان سالم بن وان مجد نور  
فعروسی جاوتنکواس فتوی  
نکری ٲولاو فینغ

No. 637.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PERMASALAHAN PENGAGIHAN WANG ZAKAT  
UNTUK PROGRAM TUISYEN UPSR, PMR DAN SPM DI  
SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI PULAU PINANG (APRIL 2006)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Permasalahan Pengagihan Wang Zakat Untuk Program Tuisyen UPSR, PMR dan SPM di Sekolah-Sekolah di Pulau Pinang (April 2006) Menurut Pandangan Syarak. Mesyuarat telah membuat keputusan berdasarkan hujahan seperti yang berikut:

- (i) Pelajar-pelajar bukan Islam boleh menyertai tuisyen tersebut:
- (ii) Ibu bapa pelajar bukan Islam perlu membayar kos tuisyen untuk anak mereka atau pihak sekolah menggunakan wang dari sumber lain;
- (iii) Untuk pembayaran kepada tenaga pengajar bukan Islam, pihak PUZ dinasihatkan supaya mengeluarkan peruntukan tersebut di atas nama sekolah berkenaan, maka tenaga pengajar yang bukan Islam itu boleh membuat tuntutan bayaran tersebut terus dari pihak sekolah; dan
- (iv) Mesyuarat mencadangkan supaya mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam diajar dalam program tuisyen ini dan pihak PUZ dapat menyediakan buku-buku yang berkaitan dengan 'Adab-Adab dalam Islam'.

Dibuat 25 April 2016

[JMNPP(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang*

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

**FATWA MENGENAI PERMASALAHAN PENGAGIHAN WANG ZAKAT  
UNTUK PROGRAM TUISYEN UPSR, PMR DAN SPM DI  
SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI PULAU PINANG (APRIL 2006)**

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2016 telah membincangkan tentang Permasalahan Pengagihan Wang Zakat Untuk Program Tuisyen UPSR, PMR dan SPM di Sekolah-Sekolah di Pulau Pinang (April 2006) Menurut Pandangan Syarak. Mesyuarat telah membuat keputusan berdasarkan hujahan seperti yang berikut:*

- (i) *Pelajar-pelajar bukan Islam boleh menyertai tuisyen tersebut:*
- (ii) *Ibu bapa pelajar bukan Islam perlu membayar kos tuisyen untuk anak mereka atau pihak sekolah menggunakan wang dari sumber lain;*
- (iii) *Untuk pembayaran kepada tenaga pengajar bukan Islam, pihak PUZ dinasihatkan supaya mengeluarkan peruntukan tersebut di atas nama sekolah berkenaan, maka tenaga pengajar yang bukan Islam itu boleh membuat tuntutan bayaran tersebut terus dari pihak sekolah; dan*
- (iv) *Mesyuarat mencadangkan supaya mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam diajar dalam program tuisyen ini dan pihak PUZ dapat menyediakan buku-buku yang berkaitan dengan 'Adab-Adab dalam Islam'.*

Made 25 April 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
Chairman of the Fatwa Committee  
State of Penang

اینکمن قنندبیرن اکام اسلام

(نکری قولو فینغ) 2004

فتوی دباوه سیکشن 48

فد منجالنکن کوامس یغ دبیریکن اولیه سیکشن 48 اینکمن قنندبیرن اکام اسلام (نکری قولو فینغ)  
[اینکمن 2]

اتس فرکنن یغ دهرتوان ائو غ ، جاوتنکواس فتوی نکری قولو فینغ، ممبوات فتوی یغ دیپانکن دالم  
جدوال.

جدوال

فتوی مغنای فرمسئلن قغاکیهن واغ زکاة اونتوق فروگرام تویشن ،PMR ،UPSR دان SPM

دمکوله – سکوله تر قلیبه د قولو فینغ (اقریل 2006)

مشوارت جاوتنکواس فتوی نکری قولو فینغ بیلاغن 2016/1 تله ممبینهچکن تنغ فرمسئلن  
قغاکیهن واغ زکاة اونتوق فروگرام تویشن ،PMR ،UPSR دان SPM د سکوله سکوله تر قلیبه د

فولاد فينغ (أفريل 2006) منوروت فنداغن شرع دان مشوارت تله ممبوات كفو توسن برداسرکن  
حجهان سفرتي يغ برايکوت:

- (i) فلاجر - فلاجر بوکن اسلام بوليه ميرتاي تويشن ترسبوت;  
(ii) ايبوباف فلاجر بوکن اسلام فرلو ممباير کوس تويشن اونتوق انق مريک اتاو فيهق  
سکوله مڭکوتاکن واغ دري سومير لاین;  
(iii) اونتوق فمبايرن کفد تناک فلاجر بوکن اسلام، فيهق PUZ دنصیحتکن سوفاي مغلوارکن  
فرونتوکن ترسبوت د اتس نام سکوله برکنان، مک تناک فلاجر يغ بوکن اسلام ایت بوليه  
ممبوات تولتونن بايرن ترسبوت تروس دري فيهق سکوله ; دان  
(iv) مشوارت منچادگن سوفاي مات فلاجر ن فغتاهاوان اگام اسلام داجر دالم فروگرام  
تويشن این دان فيهق PUZ داقت ميدياکن بوکوبوکو يغ برکاءيتن دغن ادب-ادب دالم  
اسلام .

ديوات 25 افريل 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Kit. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]

دغن نيته فرينته

داتوء دوکتور وان سالم بن وان مجد نور  
فروسني جاوتنکواس فتوری  
نگري فولاد فينغ